

**SOALAN LAZIM PENGURUSAN PEROLEHAN SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP).**

[Surat Edaran Bendahari Bertarikh 7 April 2020](#)

| BIL                             | SOALAN   | JAWAPAN  |
|---------------------------------|--|--|
| <b>Perolehan Baharu</b>         |  |  |
| 1.                              | Bolehkah perolehan hand sanitizer, termometer atau topeng muka dilaksanakan secara perolehan darurat?                    | Ya, boleh. Dibenarkan untuk melaksanakan pembelian melalui kaedah perolehan darurat bagi tempoh PKP ini sahaja.  |
| 2.                              | Adakah pelaksanaan perolehan boleh diteruskan berkaitan taklimat tender/lawatan tapak yang dijadualkan dalam tempoh PKP? | Pelaksanaan perolehan iaitu taklimat tender/lawatan tapak perlu ditangguhkan ke satu tarikh selepas tempoh PKP. Oleh itu, dibenarkan melanjutkan tempoh iklan dan mengemaskini tarikh baharu taklimat tender/lawatan tapak. Kelulusan pelanjutan tempoh iklan boleh menggunakan apa jua media komunikasi yang pantas seperti e-mel dan lain-lain medium.   |
| <b>Kontrak Perolehan Semasa</b> |  |  |
| 3.                              | Adakah pelaksanaan program/projek yang sedang berjalan perlu diteruskan dalam tempoh PKP?                                | Sebarang program/projek yang telah dikeluarkan Surat Setuju Terima (SST) atau telah mempunyai kontrak dan tidak disenaraikan di dalam senarai perkhidmatan penting negara (essential services) hendaklah ditangguhkan melalui arahan bertulis oleh Pegawai Penguasa (SO)/Pentadbir Kontrak/Wakil Kerajaan dalam tempoh PKP. Arahan tersebut adalah selaras dengan klausa force majeure. Keadaan ini boleh digunakan akibat penularan wabak COVID-19 tertakluk klausa force majeure ini jelas dinyatakan di dalam kontrak (contoh: PWD203A – Klausa 58, Klausa 17 dalam Perjanjian Piawai Kawalan Keselamatan). Bagi perolehan yang tidak |

|    |   |  |
|----|---|--|
|    |   | memperuntukkan klausa force majeure, Kerajaan masih boleh menggunakan prinsip dan prosedur force majeure bagi menangani isu penangguhan program/projek. Arahan penangguhan perlu dimaklumkan kepada syarikat secara bertulis.  |
| 4. | Adakah mesyuarat Lembaga Perolehan, Jawatankuasa Sebutharga (JKSH) serta mana-mana jawatankuasa yang berkaitan perlu diteruskan dalam tempoh PKP?                                     | Mesyuarat Lembaga Perolehan dan Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH) serta mana-mana jawatankuasa yang berkaitan ditangguhkan sehingga tamat tempoh PKP.  |
| 5. | Adakah tempoh sah laku bagi tender yang ditangguhkan boleh dilanjutkan dalam tempoh PKP?  | Tempoh sah laku tender yang masih berkuat kuasa, boleh dilanjutkan sekiranya perlu. Kelulusan pelanjutan tempoh boleh menggunakan apa jua media komunikasi yang pantas seperti e-mel dan lain-lain medium.   |
| 6. | Bagaimana kedudukan tender/sebutharga yang telah dipelawa tetapi tarikh tutupnya dalam tempoh PKP?  | Tarikh tutup iklan boleh dilanjutkan ke suatu tarikh yang bersesuaian  |
| 7. | Adakah pelanjutan kontrak dan pertambahan kuantiti/nilai perkhidmatan penting negara (essential services) perlu dibawa kepada Pihak Berkuasa Melulus (PBM) asal selaras dengan AP201? | Dalam tempoh PKP, PBM tidak bersidang dan kelulusan pelanjutan mengikut AP201 tidak boleh dibuat. Bagi pertambahan kuantiti/nilai perkhidmatan penting negara (essential services), boleh melaksanakan perolehan darurat berdasarkan tatacara sedia ada. Skop pembekalan/perkhidmatan hendaklah setakat untuk menampung keperluan keadaan yang berkenaan sahaja bagi mengelakkan perkhidmatan yang penting tidak terjejas. Hendaklah mengawal pelaksanaan perolehan darurat ini berdasarkan tadbir urus terbaik. |